

Bil. S 49

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(PENGAL 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL, 2009

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran.
 2. Pengisytiharan tempat terkawal.
 3. Pihak berkuasa.
-

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(PENGAL 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL, 2009

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 5(1) dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Tempat Terkawal, 2009.

Pengisytiharan tempat terkawal.

2. Tempat-tempat yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual, yang diterangkan dengan lebih khusus dalam pelan-pelan yang dinyatakan dalam ruang kedua yang disimpan di dalam pejabat Juruukur Agung, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai tempat terkawal bagi maksud-maksud Akta itu.

Pihak berkuasa.

3. Pihak berkuasa yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah pihak berkuasa yang akan memberikan kebenaran untuk memasuki tempat-tempat terkawal itu.

JADUAL

Tempat	Nombor Pelan	Pihak Berkuasa
1. Bangunan Receiver dan kawasannya, Kampong Serusop, Mukim Berakas A, Daerah Brunei Muara.	GT090003BM bertarikh 2hb. Julai, 2009.	Pengarah Penerbangan Awam.
2. Bangunan DVOR/ DME dan kawasannya, Kampong Beribi, Mukim Gadong B, Daerah Brunei Muara.	GT090004BM bertarikh 2hb. Julai, 2009.	Pengarah Penerbangan Awam.

JADUAL – sambungan

Tempat	Nombor Pelan	Pihak Berkuasa
3. Bangunan NDB dan kawasannya, Kampong Mata-Mata, Mukim Gadong B, Daerah Brunei Muara.	GT090001BM bertarikh 2hb. Julai, 2009.	Pengarah Penerbangan Awam.
4. Bangunan MSSR, PSR dan Transmitter dan kawasannya, Tanah di Kawasan Hutan Simpan, Mukim Gadong A, Daerah Brunei Muara.	GT090002BM bertarikh 1hb. Julai, 2009.	Pengarah Penerbangan Awam.

Bertarikh pada hari ini 30 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1430 bersamaan dengan 19 haribulan Oktober, 2009.

PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB
DATO SERI SETIA AWANG HAJI MOHD. YUSOF,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.